

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 18.12.2024 MASA: 05.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR SEMULA
TAMAN HALAMAN INDAH, JAWI**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**21 DISEMBER 2024 (SABTU)
10.30 PAGI**

**TAMAN HALAMAN INDAH, JAWI
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye

EXCO Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar Dan Desa

Yang Dihormati Puan Nurhidayah Binti Che Rose

Ahli Majlis MBSP Merangkap Ketua Penyelaras

Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya

Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap Penyelaras

Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Encik Amirrudin Bin Ishak

Pengerusi MPKK Changkat Dain

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam **Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi.**
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Exco Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa kerana sudi melapangkan masa beliau untuk hadir merasmikan **Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi** ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Encik Amiruddin bin Ishak, Pengurus MPKK Changkat Dain dan semua Ahli Jawatankuasa MPKK Changkat Dain yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mewujudkan Pusat Kitar Semula ini dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
4. Program Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi pada hari ini merupakan aktiviti yang menggalakkan usaha melestarikan alam sekitar, mendidik masyarakat tentang kepentingan kitar semula serta memberi kesedaran bahawa sisa kitar semula adalah sesuatu yang berharga dan berpotensi menjana pendapatan.

5. Program ini bertujuan meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang kepentingan pengasingan sisa di punca, di samping memperkenalkan kewujudan sangkar kitar semula kepada masyarakat, khususnya para penduduk di sekitar Taman Halaman Indah, Jawi. Penempatan sangkar kitar semula di lokasi ini adalah strategik kerana ia merupakan kawasan tumpuan orang ramai.
6. Kitar semula merupakan satu konsep penjagaan, pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Memandangkan jumlah sampah harian kita semakin bertambah tahun demi tahun selari dengan pertambahan populasi, maka amalan kitar semula dilihat satu alternatif yang bagus untuk melambatkan penggunaan sumber-sumber semula jadi yang terdapat di sekeliling kita.
7. Untuk memastikan keberkesanan program kitar semula, MBSP menjalin kerjasama strategik dengan universiti, sekolah, NGO dan persatuan penduduk. Ini merupakan salah satu kaedah untuk mewujudkan pusat-pusat kitar semula di kawasan-kawasan perumahan dan kampung di seluruh Seberang Perai. Sehingga ini terdapat 42 pusat kitar semula (termasuk Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi) di Seberang Perai iaitu 12 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Utara, 21 Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Tengah dan sembilan (9) Pusat Kitar Semula di Seberang Perai Selatan.

8. Sempena program ini, satu taklimat khusus mengenai pengasingan sisa di punca turut diadakan bagi memberi penerangan terperinci tentang kaedah pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang. Taklimat ini juga bertujuan menggariskan impak negatif kepada alam sekitar sekiranya amalan kitar semula tidak diterapkan dalam kehidupan seharian kita.
9. Bagi memeriahkan lagi program ini, pertandingan mewarna telah dianjurkan dengan penyertaan seramai 60 orang peserta. Hadiah kepada para pemenang pertandingan ini akan disampaikan sebentar lagi. Program-program seperti ini memainkan peranan penting dalam menyemai kesedaran mengenai kelestarian alam sekitar serta menyumbang ke arah pembentukan komuniti yang mampan, harmoni, dan sejahtera.
10. Diharapkan melalui Program Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi ini, dapat mendidik masyarakat menjalankan aktiviti kitar semula sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang telah diperketatkan penguatkuasaannya pada Julai 2024 serta memberi impak positif dalam menjayakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca.
11. Saya berharap semua pihak mengamalkan pendekatan holistik dalam pengurusan alam sekitar sebagai usaha bersama ke arah merealisasikan sebuah bandaraya rendah karbon. Langkah ini selaras

dengan aspirasi untuk menzahirkan “Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif”.

12. Saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk bersama-sama menyahut seruan Kerajaan Negeri dan MBSP, dalam menggembrelleng tenaga untuk menjayakan Program Kitar Semula di Seberang Perai. Marilah kita sama-sama mengikis sikap negatif bahawa program kitar semula ini hanya membebankan serta tidak memberikan apa-apa faedah. Ada juga yang beranggapan bahawa masalah sampah bukanlah tanggungjawab masyarakat. Marilah kita sama-sama menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan menjaga alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan program kitar semula.
13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Perasmian Pusat Kitar Semula Taman Halaman Indah, Jawi, terutamanya Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Exco Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa. Selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut agama Kristian dan Selamat menyambut Tahun Baru 2025.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***